



K13 Johan Pertandingan Perarakan



Prof. Dr. Azali ketika berucap dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul.

SERDANG, 26 Feb – Kolej 13 muncul johan pertandingan Perarakan Maulidur Rasul peringkat Interkolej anjuran Unit Pengurusan Zakat dan Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan memenangi hadiah wang tunai RM500.

Kemenangan Kolej 13 daripada 17 kolej kediaman, persatuan dan kelab yang menyertai perarakan dari Dewan Besar hingga Masjid UPM kerana menampilkan keseragaman dalam berselawat, pakaian dan sepanduk yang menarik.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Dr. Azali Mohamed menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat UPM di sini termasuk kepada naib johan yang dimenangi oleh K16 dan KOSASS di tempat ketiga.



Johan Perarakan Maulidur Rasul 2010, K13 bersama dengan sepanduk mereka.

Sementara itu, Prof. Dr. Azali dalam ucapannya berkata sambutan Maulidur Rasul pada setiap 12 Rabiul Awal ialah sebagai menunjukkan rasa sayang terhadap baginda disamping menjadikan baginda sebagai contoh kehidupan.

“Warga UPM perlu melihat keperibadian Rasulullah boleh memberi kekuatan dalam memperbaiki diri bagi memajukan lagi UPM,” katanya.

Pelajar Fatimah Nasir, 20, berkata sambutan kali ini adalah lebih meriah berbanding tahun lepas kerana turut melibatkan pihak lain iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Islam.

Pengarah Bahagian Perancangan Korporat UPM, Prof. Datuk Dr. Sheikh Omar Abd. Rahman menyampaikan ceramahnya dengan tajuk Rasulullah Sebagai Qudwah Hasanah.



Antara pelajar yang turut serta dalam perarakan.

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Hazwan Faisal Mohamad)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia